

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Tuan Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** senaraikan loji-loji hidro-elektrik besar di Malaysia dengan butiran lokasi, tahun permulaan penjanaan kuasa elektrik, keluasan tasik yang diwujudkan oleh empangan dan jumlah kuasa elektrik yang dijana oleh tiap satu loji hidro.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Senarai stesen jana kuasa hidro elektrik di Semenanjung Malaysia dengan butiran lokasi, tahun mula beroperasi, keluasan tasik yang diwujudkan untuk empangan dan jumlah kuasa elektrik yang dijana adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Stesen</b>	<b>Kapasiti (MW)</b>	<b>Tahun Mula Beroperasi</b>	<b>Keluasan Tasik (hektar)</b>
1.	SJ Temengor, Grik, Perak	4 X 87	1978	15,200
2.	SJ Bersia, Grik, Perak	3 X 24	1988	570
3.	SJ Kenering, Grik, Perak	3 X 40	1988	4,000
4.	SJ Chenderoh, Kuala Kangsar, Perak	3 X 10 1 X 8	1930 1978	2,075
5.	SJ Sungai Piah, Sg. Siput, Perak	2 X 7.5 2 X 27	1996	Run of river
6.	SJ Pergau, Jeli, Kelantan	4 X 150	1997	430
7.	SJ Kenyir, Terengganu	4 X 100	1988	39,600
8.	SJ Hulu Terengganu, Terengganu	2 X 125	2015	6,970
9.	SJ Jor, Tapah, Perak	4 X 25	1963	53
10.	SJ Woh, Tapah, Perak	3 X 50	1968	30

\*\*\*\*\*